

Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Jamadilawal / Jamadilakhir 1442 — Januari / Februari 2021

BIL: 28 / 2021



Mengekang Penyebaran Berita dan Maklumat Palsu Ketika Pendemik Covid 19

Elemen
Penghayatan
Akhlak

Pengalaman Pendengar
Sebagai Tips Berguna &
Bermanfaat

Bencana Alam:
Bala atau Ujian?

Nabi Ibrahim Dengan
Orang Majusi

Persekutaran Soleh Dibentuk Oleh
Masyarakat Yang Berakhhlak Mulia

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin

(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari

(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Norlela Kamaluddin

Dr. Mohamad Hasif Bin Jaafar

Dr. Mohd Kamel Bin Mat Salleh

Shahril Anuar Abdul Ghafim

Nurul Nisha Mohd Shah

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Hajah Makiah Tussaripah Jamil

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Seremban

Persiaran Seremban Tiga/1,

70300 Seremban 3,

Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
bulletin.acis.n9@gmail.com
muallim@uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri ketigapuluhan tiga atau siri keduapuluhan lapan yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah **"Mengekang Penyebaran Berita dan Maklumat Palsu Ketika Pendemik Covid 19"**. Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Mengekang Penyebaran Berita dan Maklumat Palsu Ketika Pendemik Covid 19 (3)
- ⇒ Persekutaran Soleh Dibentuk Oleh Masyarakat Yang Berakhhlak Mulia (8)
- ⇒ Elemen Penghayatan Akhlak (11)
- ⇒ Pengalaman Pendengar Sebagai Tips Berguna & Bermanfaat (12)
- ⇒ Bencana Alam:Bala atau Ujian ? (14)
- ⇒ Nabi Ibrahim Dengan Orang Majusi (16)

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Mengekang Penyebaran Berita dan Maklumat Palsu Ketika Pendemik Covid 19

Oleh : Dr. Mohamad Hasif Bin Jaafar
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



PENDAHULUAN

Penyebaran berita dan maklumat palsu sememangnya adalah satu kesalahan dari segi etika dan merupakan dosa besar di dalam agama Islam kerana ia adalah fitnah yang boleh melaga-lagakan manusia. Sejak dahulu lagi masyarakat telah menyebarkan berita dari mulut ke mulut di mana terdapat pengubahan yang berlaku pada setiap isi cerita kerana setiap individu mempunyai cara tersendiri memahami cerita berkenaan di samping menokok tambah perkara yang tidak berlaku.

Kajian pada tahun 2019 yang di-

jalankan oleh sekumpulan penyelidik dari Princeton dan New York University menyatakan bahawa kebarangkalian seseorang itu untuk menyebarkan atau berkongsi sesuatu informasi yang tidak sahif berkolerasi lebih tinggi dengan umur jika hendak dibandingkan dengan faktor lain seperti pelajaran, jantina ataupun pandangan politik. 11% daripada pengguna yang berumur 65 tahun dan ke atas berkongsi artikel yang lebih mendorong kepada informasi yang kurang sahif secara konsisten. Hanya 3% pengguna dari umur 18 hingga 29 tahun melakukan perkara yang

sama.

Ini bertepatan dengan firman Allah Taala dalam Surah al-Hujurat ayat 6 yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."

Semenjak kemunculan pandemik penyakit Covid-19, seluruh negara menghadap perubahan kehidupan norma yang baharu termasuklah di negara Malaysia. Kehidupan ini banyak memberi kesan secara langsung terhadap ekonomi, perniagaan dan perindustrian negara. Dalam keadaan ini, sudah tentunya kita sangat bergantung kepada teknologi untuk berkomunikasi dan saling berhubung serta menyampaikan maklumat dan informasi yang terkini untuk wabak COVID-19.



Oleh hal yang demikian, pelbagai medium telekomunikasi elektronik seperti televisyen, radio mahupun aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter, Telegram dan Instagram banyak digunakan untuk menyampaikan informasi-informasi terkini mengenai COVID-19. Medium seperti ini berupaya menyebarkan maklumat dengan lebih cekap dan pantas. Namun, terdapat masyarakat yang mengambil kesempatan di waktu getir dengan menyebarkan maklumat yang tidak tepat.



Setakat 24 April 2020, sebanyak 24 kes penyebaran berita palsu berkaitan dengan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah didakwa di mahkamah. Ini belum termasuk 238 kertas siasatan yang terkumpul pada hari ini berbanding 237 kertas siasatan pada hari semalam melalui sidang media oleh Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata pada 24 April 2020. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 24 kes telah didakwa di mahkamah dan 13 telah mengaku bersalah serta 11 kes pula diberikan notis amaran. Manakala selebihnya 170 kes masih dalam siasatan.

Mitos Covid-19

Terdapat pelbagai informasi yang diterima sejak kemunculan COVID-19 pada awal tahun 2020. Antara mitos-mitos yang muncul tentang wabak penyakit COVID-19 ialah virus COVID-19 ini boleh dimatikan dengan meminum alkohol. Fakta ini sama sekali tidak benar kerana penggunaan alkohol tidak dapat untuk membunuh virus yang masuk ke dalam badan manusia. Malahan, penggunaan alkohol ini membahayakan kesihatan dan akan meningkatkan risiko penyakit yang lain. Penggunaan alkohol ini sebaiknya hanya digunakan untuk mendesinfeksi mikroorganisme dan mensanitasi tangan pada permukaan kulit tubuh manusia untuk memutuskan rantaian penyakit COVID-19.



Selain itu, terdapat juga mitos tentang virus COVID-19 ini dapat ditularkan melalui gigitan nyamuk. Kebenaran mitos ini tidak dapat dibuktikan kerana bukti penyebaran virus ini hanya melalui percikan titisan daripada pernafasan seorang individu yang positif COVID-19. Tambahan pula, iklim yang panas dan sejuk dikatakan boleh membunuh virus ini. Fakta ini

adalah tidak benar kerana haba yang panas atau sejuk tidak dapat untuk membunuh virus yang berada dalam badan manusia. Perubahan suhu badan manusia tidak terkesan dengan suhu persekitaran.

Akhir sekali, dakwaan tentang penyakit COVID-19 hanya akan menjangkiti orang tua juga tular di kalangan masyarakat. Mitos adalah tidak benar kerana negara Malaysia mempunyai statistik golongan umur yang paling tinggi kes positif COVID-19 ialah mereka yang berumur 26 ke 30 serta 56 ke 60. Tambahan pula, antara faktor yang dikenali kepada mereka yang terjangkit dengan penyakit ini daripada golongan umur 26 ke 30 tahun adalah mereka yang baru pulang daripada luar negara atau mereka yang mempunyai kontak rapat dengan pesakit COVID-19. Kesimpulan daripada kajian statistik ini ialah, penyakit COVID-19 ini tidak mengenal umur serta latar belakang sejarah pesakit untuk menjangkiti mereka. Namun begitu, mereka yang memiliki sejarah kesihatan penyakit yang kronik seperti penyakit jantung, penyakit buah pinggang serta masalah kencing manis dan sebagainya, mereka adalah golongan yang berisiko tinggi untuk mendapatkan komplikasi yang buruk sekiranya dijangkiti. Hal ini yang menyebabkan mereka yang kebih berusia mempunyai kadar statistik kematian yang lebih tinggi.

Mitos Vaksin


Sepanjang tempoh Covid-19 terdapat banyak berita palsu yang tersebar mengenai vaksin sama ada di Malaysia atau luar negara. Datuk Dr

Noor Hisham Abdullah juga berkata bahawa pihaknya menerima banyak maklumat yang tidak benar tentang vaksin yang ada di lama media sosial. Antara contoh maklumat palsu ialah "Vaksin dan Program Imunisasi Kebangsaan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan tidak akan memberi manfaat dan akan menimbulkan banyak kesan buruk kepada pengguna." Dakwaan ini tidak tepat sekali dan kebanyakannya golongan yang menyebarkan tentang berita palsu vaksin ialah golongan anti-vaksin. Tujuan golongan anti-vaksin menyebarkan tentang keburukan vaksin hanyalah untuk mempengaruhi orang untuk tidak mengambil sebarang vaksin. Kesannya, Universiti Michigan telah membuat satu kajian yang mendapati satu daripada tiga ibu bapa merancang untuk tidak mengambil vaksin untuk anak mereka dengan percaya bahawa vaksin tidak akan berkesan.



Berita palsu di luar negara pula, Presiden Donald Trump telah menyuarakan pendapatnya bahawa penggunaan pembasmi kuman atau Clorox di dalam badan akan menyembuhkan Covid-19. Ada juga yang mengatakan, vaksin Covid-19 boleh dibeli di "Dark Web" dan tujuan

maklumat palsu ini hanyalah untuk mengambil maklumat peribadi dan duit pemangsa. Golongan yang mudah percaya akan menjadi mangsa awal kerana kurang kesedaran tentang perkembangan semasa tentang vaksin.



Selain daripada itu, berita palsu atau teori konspirasi mengatakan Covid-19 ini tidak seteruk selesema dan ada yang mempercayai bahawa virus ini boleh mengubah bentuk DNA manusia. Berita-berita seperti ini hanyalah untuk menakutkan rakyat dan sekadar gurauan. Ada juga golongan yang giat menyebarkan maklumat palsu mengenai vaksin selesema di Amerika Syarikat. Antara dakwaan palsu mengenai vaksin selesema ialah ia akan menyebabkan risiko jangkitan Covid-19. Maklumat itu mengandungi dakwaan pengambilan vaksin Fluzone adalah 2.4 kali lebih bahaya berbanding Covid -19. Kesan daripada maklumat itu ialah hanya 49.2 peratus individu mendapatkan vaksin selesema pada tahun 2018-2019.

CADANGAN MEMBANTERAS DAN MENGELAK DARIPADA BERITA PALSU DAN INFORMASI KURANG SAHIH

i. Mendapatkan Daripada Sumber Yang Boleh Dipercayai

Sungguh merisaukan jika kita menyebarkan berita palsu kepada rakan-rakan serta ahli keluarga kerana mereka juga akan menyebarkan kepada rakan-rakan mereka pula. Namun begitu, tidak perlu resah kerana terdapat cara untuk mengenalpasti sumber yang sahih daripada media sosial. Perkara pertama yang harus dikenalpasti ialah menyelidik identiti orang yang menyampaikan berita tersebut. Selain itu, akaun yang mencurigakan yang pernah menaikkan isu yang palsu tidak patut dipercayai sebarang maklumat yang akaun tersebut menyebarkan. Walaupun akaun tersebut mempunyai pengikut yang ramai, tidak semestinya orang tersebut membawa kredibiliti. Contohnya, akaun 'Awatni' di laman web 'Twitter' yang merupakan akaun parodi untuk akaun rasmi 'awani'. Ternyata sungguh senang untuk ditipu kerana terlepas pandang.

ii. Menyemak Maklumat Yang Diperoleh

Kita seringkali melihat berita palsu yang disebar dengan luas kerana sifat diri sendiri yang tidak menyemak terlebih dahulu sebelum menyebarkan isu tersebut kepada rakan mereka. Perkara ini sering terjadi kepada kalangan orang dewasa seperti ibu bapa yang seringkali membaca berita palsu yang telah dikongsi oleh akaun yang bukan rasmi dan terus kongsi maklumat tersebut kepada group 'whatsapp' mereka. Perkara ini amat merisaukan kerana lebih ramai akan membaca berita palsu tersebut dan percaya begitu sahaja. Oleh itu, setiap individu haruslah mengambil inisiatif untuk membaca dahulu tentang isu tersebut daripada pelbagai sumber untuk menghasilkan konklusi yang benar.

PENUTUP

Maklumat palsu tidak memberikan kebaikan kepada semua malah medatangkan kesan yang buruk. Berita palsu juga akan menyebabkan semua golongan berasa panik dan mudah percaya. Kita perlu amalkan slogan yang sering layar di kaca televisyen sebagai peringatan untuk tidak menjadikan penyebaran berita palsu sebagai norma yang baru.

Sumber: sebenarnya.my

**BUKAN SEMUANYA BENAR DI INTERNET !
TIDAK PASTI, JANGAN KONGSI**

Layari sebenarnya.my untuk mengesahkan kesahihan maklumat.



Persekutuan Soleh Dibentuk Oleh Masyarakat Yang Berakhlak Mulia

Oleh : Dr. Mohd Kamel Bin Mat Salleh
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Setiap individu muslim perlu menekankan kepada persekitaran yang baik bagi membentuk kehidupan yang diredhai Allah S.W.T. Justeru itu, melakukan kebaikan setiap detik dan masa harus menjadi agenda utama dalam melayari bahtera kehidupan sehari-hari. Ibu bapa yang baik budi pekerti akan menunjukkan contoh yang baik terhadap anak-anaknya bagi membentuk sebuah keluarga bahagia, begitu juga apabila seluruh komuniti masyarakat sentiasa berada dalam kebaikan, pasti nanti seluruh kehidupan manusia berada dalam landasan yang baik juga.



Benarlah firman Allah S.W.T dalam al-Quran yang bermaksud “dan jika sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, nescaya Kami bukakan keberkatan dari langit dan bumi, tetapi mereka membohongi, lalu Kami bertindak ke atas mereka dengan sebab yang mereka telah usahakan” (Surah al-A’raf : 96).

Ayat ini menjelaskan bahawa kebaikan yang sentiasa menjadi perhiasan diri mukmin bukan sekadar

untuk kepentingan peribadi dan keuntungan pahala bersifat individu semata-mata, malah kesannya turut dirasai oleh mereka yang hidup dalam persekitarannya juga.

Hakikat yang perlu diakui oleh setiap individu muslim bahawa mempunyai sahabat yang baik, hidup dalam persekitaran yang baik merupakan jaminan daripada Allah S.W.T bagi penghasilan sebuah kejayaan.

Marilah sama-sama menghayati hadith Nabi S.A.W mengenai sejarah pembukaan Kota Kostantinople. Rasulullah S.A.W pernah bersabda yang maksudnya “Kota Kostantinopel (Istanbul sekarang) akan jatuh ke tangan orang Islam. Pemimpin yang menaklukinya adalah adalah sebaik-baik pemimpin dan pasukan tenteranya adalah sebaik-baik tentera” (Riwayat Ahmad).

Hanya selepas 800 tahun selepas sabdaan ini, ianya menjadi kenyataan apabila Sultan Muhammad al-Fateh berjaya menawan dan membuka kota itu dari tangan Kerajaan Rom. Pengkaji sejarah mendapati antara faktor terpenting yang membawa kepada kejayaan pembukaan kota itu ialah kebaikan akhlak dan perilaku bukan setakat pemimpin sahaja, malah rakyat secara keseluruhannya.

Bayangkan dalam puluhan ribu tentera itu, tidak seorang pun yang pernah meninggalkan solat fardhu

sejak usia baligh, sebahagian sahaja yang pernah meninggalkan solat sunat rawatib, dan dari kalangan yang ramai itu, didapati hanya Sultan Muhammad sahaja yang tidak pernah meninggalkan solat malam sejak baligh.

Fenomena ini seharusnya membuka mata kita bahawa kebaikan itu mesti menjadi syarat utama membebaskan diri manusia daripada penzaliman dan kejahatan yang melingkungi persekitaran hidup manusia kini. Bagaimana muh memastikan harta benda sentiasa terjaga jika kejadian pecah rumah dan samun bermaharajalela setiap hari. Harus bagaimana memastikan anak-anak muda remaja menjaga maruahnya sedang kerosakan nilai budaya masyarakat dipaparkan dalam medai cetak dan elektronik sehari-hari?

Persoalan inilah yang harus dicari jawaban agar selama-lamanya manusia tidak hanyut berada dalam lingkungan yang tidak sihat, berbudaya negatif, berakhhlak yang tidak sopan dan hidup dalam acuan yang tidak Islam.

Sesungguhnya persekitaran yang baik dicorakkan oleh ahli masyarakat yang baik juga, begitu juga sebaliknya rosaknya akhlak masyarakat kerana tidak wujud suasana sekeliling yang membantu untuk kebaikan itu dijelmakan dalam bentuk yang lebih meluas. Bagaimana mungkin untuk seorang gadis muslimah memastikan maruahnya terlindung dan terpelihara jika di sekelilingnya penuh dengan remaja yang mendedahkan aurat, menjunjung hedonisme sebagai

budaya dan tontonan media massa yang merosakkan akal dan minda.

Begitu juga apakah selamat harta yang disimpan jika si perampas dan peragut bermaharajalela di setiap sudut dan simpang jalan?

Justeru itu, membentuk suasana sekeliling yang baik ini adalah merupakan satu cabaran besar dalam dunia yang semakin maju dan membangun ini. Amalan yang mulia ini perlu disokong dan didokong kerana Allah S.W.T sendiri menggalakkan agar manusia sentiasa mendampingkan diri dengan golongan yang baik dan berakhhlak mulia seperti ahli ibadah dan para pencari ilmu, sepetimana maksud ayat yang difirmankan "dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadah kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredhaan Allah semata-mata". (Surah al-Kahfi : 28)



Dalam ayat lain, Allah S.W.T berfirman maksudnya "wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan hendaklah

kamu berada bersama-sama orang yang benar" (Surah al-Taubah : 119).

Justeru, bahana yang menimpa ramai remaja Islam kini akibat terlibat dengan gejala keruntuhan akhlak adalah disebabkan tersilap pilih kawan yang telah membawanya ke lembah kejahatan. Ingatan ini pernah disuarakan oleh Baginda S.A.W. yang bermaksud "seorang individu itu akan menurut atau mengikut agama (ajaran, tingkahlaku,) sahabatnya, maka perhatikanlah dari kalangan kamu dengan siapa seseorang itu bersahabat" (Riwayat al-Tirmidhi).

Ibn. Qudamah dalam bukunya Mukhtasar Minhaj al-Qasidin ada menyebut bahawa seseorang yang ingin dipilih sebagai seorang sahabat hendaklah mempunyai beberapa sifat antaranya ialah berakal, baik akhlak, tidak fasik, bukan ahli bid'ah dan tidak tamak dengan kehidupan dunia.

Ini jelas menunjukkan bahawa bersahabat dan berdampingan dengan orang yang baik pastinya mengundang pelbagai faedah dan manfaat, kerana perilaku seseorang banyak dicorakkan kepada faktor dengan siapa ia berkawan. Perhubungan ini amat besar kesannya kepada sistem sosial masyarakat, kerana tempiasnya akan turut mengenai dan dirasai oleh seluruh anggota komuniti lain yang turut sama mendokong pembentukan sesuatu ummah.

Mencari suasana persekitaran yang baik juga menjadi satu penanda aras kepada penentu corak akhlak mulia seseorang muslim. Dalam kisah taubat seorang lelaki yang telah membunuh 99 orang dan ditambah akhirnya seorang mangsa lagi sehingga menggenapkan kepada 100

orang semuanya, beliau telah dinasihatkan oleh seorang ilmuan agar keluar dari negeri yang sedang didiaminya untuk mencari tempat lain yang lebih soleh dan baik persekitarannya. Lelaki ini akhirnya meninggal dunia dan rohnya diambil oleh malaikat rahmat menandakan keazamannya untuk menjadi baik dan mencari tempat yang baik juga adalah suatu yang direhui oleh Allah S.W.T.

Dapatlah disimpulkan bahawa masyarakat mempunyai pengaruh yang amat besar dalam membentuk keperibadian seseorang, samada untuk menjadi baik atau sebaliknya. Saidina Umar al-Khattab pernah berkata "hendaklah kamu bersahabat dengan orang yang melazimi kehidupannya dengan kebenaran, nescaya kamu akan hidup aman di sisinya, berwaspadalah terhadap sahabat kecuali terhadap mereka yang amanah kerana amanah itu tidak wujud kecuali bagi mereka yang takutkan Allah, jangan bersahabat dengan mereka yang jahat kerana kamu nescaya akan belajar dari kejahatannya".

Apabila sifat-sifat ini dimiliki oleh setiap individu muslim, sudah pasti kehidupan manusia akan lebih aman dan jauh dari sebarang perpecahan dan perbalahan. Sesungguhnya masyarakat yang benar-benar menjunjung segala peraturan dan hukum hakam Allah adalah asas dalam pembentukan sebuah masyarakat yang bertamadun. Tiada apa yang boleh dibanggakan bagi sebuah masyarakat yang maju dan menjunjung tinggi peradaban sains dan teknologi jika ruhaniah anggotanya kosong tanpa penekanan akhlak dan pengisian keagamaan.

ELEMEN PENGHAYATAN AKHLAK

MENURUT AL-GHAZALI


Akhlik merupakan gambaran tentang keadaan DALAM DIRI/JIWA manusia yang telah sebatи dan daripadanya terbit tingkah laku secara mudah dan senang tanpa memerlukan pertimbangan atau pemikiran



PENGHAYATAN AL-QURAN

Membaca, tadabbur, tafakkur dan tabayyun, serta mengamalkan dan menyebarkan isi kandungan al-Quran.

Firman Allah SWT bermaksud: "Maka apakah mereka tidak mentadabburkan al-Quran? Atau hati mereka terkunci." (Muhammad: 24)



RASULULLAH SAW QUDWAH HASANAH



Meyakini, mahami, melaksanakan dan menyebarkan sunnah Rasulullah dalam pelbagai bidang kehidupan.

Firman Allah SWT bermaksud: "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik." (Al-Ahzab: 21).

PENDIDIKAN & PERLAKSANAAN IBADAH

Menunaikan semua ibadat yang diperintahkan oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT bermaksud: "Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertakwa." (Al-Baqarah: 21)



MUHASABAH DIRI



Membuat penilaian dan refleksi kendiri pada setiap masa. Firman Allah SWT bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya) dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (daripada amalannya) untuk hari esok (hari akhirat)." (Al-Hasyr: 18)

Pengalaman Pendengar Sebagai Tips Berguna & Bermanfaat

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghafim & Nurul Nisha Mohd Shah

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Kampus Rembau)

Umum mengetahui bahawa radio merupakan salah satu media massa yang popular sehingga ke hari ini. Kewujudan dan pengaruhnya masih kekal teguh di hati masyarakat sebagai medium yang memberikan informasi dan juga hiburan. Jika kita perhatikan hari ini terdapat pelbagai saluran siaran radio tak kira milik kerajaan maupun swasta yang sentiasa mempelbagaikan isi kandungan persembahan mengikut misi dan visi penubuhannya. Sudah semestinya kreativiti dalam persembahan haruslah tidak bersifat statik dan senantiasa berubah-ubah mengikut kesesuaian situasi, isi kandungan, peralihan teknologi dan juga kepelbagaian permintaan khalayak.

Sebagai saluran penyampaian maklumat dan hiburan, radio bukan sahaja terhad dalam menyediakan laporan berita semasa dan dendangan lagu tetapi turut juga menjalankan peranannya dalam mendidik masyarakat melalui slot atau ruangan yang dijadualkan bersesuaian dengan konsep yang cuba dipersembahkan. Selingan mesej yang dibawa mampu untuk membuat masyarakat menyelinap seketika untuk mendengar dengan cara santai tentang tajuk kupasan yang dibawa oleh juruhebah.

Apa yang cuba dikupas ialah ruangan bersama pendengar iaitu menerusi panggilan telefon bagi perbincangan berteraskan isu



yang dibawa yang wujud dikebanyakannya stesen radio kini. Dan lazimnya perkara yang diperbincangkan adalah berteraskan isu semasa yang berlaku di dalam negara. Walau pun tidak secara menyeluruh seperti mana perbincangan bersama pakar yang diundang khas tetapi ianya masih mampu memberikan idea dan pemahaman tentang apa yang berlaku secara amnya. Malah konsep yang dibawa untuk berkongsi topik perbincangan melalui panggilan telefon bersama pendengar dirasakan berkesan bagi membolehkan pandangan masyarakat diangkat dan diambil ikhtibar bersama.

Pendengar boleh turut serta memberi pandangan berbentuk cadangan, pendapat, nasihat dan perkongsian pengalaman peribadi berdasarkan sesuatu topik yang dikenalpasti bersesuaian untuk siaran umum. Radio dilihat berpotensi untuk memberikan gambaran awal tentang topik melalui ruangan yang direncanakan tambahan pula penglibatan masyarakat yang mempunyai pengetahuan atau pun minat dapat dikumpulkan dalam bentuk pemikiran yang sama. Perkongsian ini amat penting memandangkan tidak semua mempunyai pengalaman yang serupa dan kepelbagaiannya khalayak pendengar menjadikannya lebih bernilai.

Antara topik yang diketengahkan adalah topik yang dekat dengan kehidupan masyarakat secara amnya seperti kekeluargaan, komuniti setempat ataupun isu-isu peringkat nasional yang mempunyai perkaitan dengan keadaan semasa. Mungkin bagi sesetengah anggota masyarakat melihatnya sebagai bual bicara melalui telefon antara pendengar secara santai tetapi sebenarnya jika diteliti banyak informasi yang bermanfaat diselitkan yang terarah kepada sesuatu penyelesaian permasalahan berdasarkan situasi sebenar yang pernah di-

alami individu.

Sebagai contoh apabila membicarakan topik mengenai cabaran dan permasalahan anak-anak seperti penggunaan gajet, pergaulan rakan sebaya, komunikasi antara ahli keluarga, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Perkongsian pengalaman ini dapat dijadikan tips atau pun panduan berguna kepada pendengar yang mungkin mengalami situasi yang hampir sama dengan topik yang diperbincangkan. Kata-kata berunsur nasihat berpandukan pengalaman individu amat penting untuk dijadikan sandaran seandainya kita berhadapan dengan konteks permasalahan yang sama.

Betapa radio telah menjalankan fungsinya kepada masyarakat bukan sahaja sebagai saluran berita, maklumat, pembujukan dan hiburan tetapi juga sebagai wadah penyampaian rujukan bagi tujuan perkongsian pengalaman. Peranan ini ternyata penting kerana masyarakat pendengar boleh menjadikannya sebagai suatu kata-kata semangat atau lontaran suara berupa nasihat jika berhadapan dengan situasi yang serupa. Segala emosi suka, duka, keinsafan, pengajaran dan segala yang berlandaskan sesuatu topik perbincangan dapat diselami walaupun hanya melalui satu panggilan telefon sahaja.

Keberkesanannya radio dalam membawa mesej dan maklumat kepada masyarakat pendengar bukanlah perkara baru. Apa yang penting adalah ikhtibar yang diperoleh hasil dari perkongsian pengalaman dan pendapat. Semoga kita mendapat manfaat dan bersama jadikannya sebagai renungan pada masa hadapan.

Bencana Alam: Bala atau Ujian?

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Firman Allah Taala di dalam al-Quran menjelaskan bahawa terdapat tamadun manusia dimusnahkan oleh Allah Taala melalui bencana alam. Antaranya adalah kaum Nabi Nuh AS yang telah dimusnahkan dengan banjir yang besar, kaum Nabi Luth yang dimusnahkan dengan gempa bumi dan kaum 'Aad yang dimusnahkan dengan ribut taufan tujuh hari tujuh malam. Sesungghunya, bencana alam yang memusnahkan kaum-kaum tersebut adalah kerana hukuman Allah Taala atas kekufuran dan kemungkarannya.

Ini bertepatan dengan firman Allah Taala dalam Surah al-Ankabut ayat 40 yang bermaksud: "*Maka masing-masing Kami binasakan dengan sebab dosanya, iaitu di antaranya ada yang Kami hantarkan angin ribut menghujaninya dengan batu; dan ada yang dibinasakan dengan letusan suara yang menggemparkan bumi; dan ada yang Kami timbuskan dia di bumi; dan ada pula yang Kami tenggelamkan di laut. Dan (ingatlah) Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, akan tetapi mereka lah yang menganiaya diri sendiri.*" Ayat ini merupakan peringatan dari Allah Taala agar menjadi pelajaran bagi kita bahawa akibat daripada kekufuran dan perbuatan maksiat yang dilakukan, akan menjadi penyebab datangnya kemurkaan Allah.

Ketahuilah bahawa setiap bencana yang menimpa manusia mempunyai tiga pengajaran yang berbeza. Bagi mereka yang terselamat daripada bencana, maka bencana yang menimpa orang lain merupakan peringatan bentuk kasih sayang dari Allah agar mereka kembali pada jalan-Nya. Sedangkan bagi orang yang tidak beriman, maka bencana yang menimpa merupakan azab dan siksa dari Allah yang disebabkan oleh kekufuran dan kedurhakaan terhadap perintah Allah dan rasul-Nya. Dengan bencana juga, Allah hendak menunjukkan kepada manusia, di antara orang yang benar keimanannya dan yang tidak benar keimanannya.

bencana alam juga boleh berlaku disebabkan daripada kesilapan dan kerakusan manusia kerana mengejar kemewahan dunia. Hanya kerana mengejar kemewahan dunia, bukit-bukau ditaruh dan diruntuhkan, pembangunan dilaksanakan sesuka hati, pembakaran terbuka berleluasa, pembalakan haram berleluasa dan pembuangan sampah merata-rata. Natijahnya, sistem ekologi dan keseimbangan alam semesta ter-gugat. Sesungguhnya Allah Taala telah menyatakan peringatan dalam surah ar-Rum ayat 41 yang bermaksud: "*Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di*

darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)". Ayat ini menyatakan bahawa bencana alam yang berlaku di muka bumi ini ada kaitannya dengan perilaku manusia yang tidak berhemah kepada alam semesta. Tindakan-tindakan manusia yang mengganggu dan memusnahkan keseimbangan ekologi adalah satu tindakan yang akan membawa manusia ke arah kemusnahan. Ini kerana, hubung kait antara manusia dengan alam sangat rapat sekali.

Kesimpulannya, adalah menjadi kewajipan semua pihak memastikan kawasan atau tempat kediaman terus selamat. Sebarang rancangan pembangunan dan kegiatan sosio ekonomi masyarakat mestilah tidak merosakkan ekologi alam sekitar. Elakkanlah daripada menarah bukit, melakukan pembalakan haram, pembakaran terbuka dan pembuangan sampah yang tidak terkawal. Dalam keadaan dilanda bencana setiap pemimpin masyarakat berkewajipan mengumpul maklumat mangsa untuk memudahkan tindakan menyelamat dijalankan. Manakala bagi pertubuhan bukan kerajaan pula perlulah mengadakan penyelaras dengan agensi kerajaan dalam usaha-usaha membantu kebajikan mangsa-mangsa bencana alam, agar semua mangsa menerima kebajikan dan layanan yang samarata.



Kisah Tauladan II

Nabi Ibrahim Dengan Orang Majusi

Oleh : Hajah Makiah Tussaripah Jamil
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Diceritakan pada suatu hari Nabi Ibrahim A.S. menolak seorang tetamu yang berkunjung ke rumahnya. Nabi Ibrahim A.S berkata, "Aku tidak akan menerima tamu seperti engkau selagi engkau tidak meninggalkan agamamu dan ajaran-ajaran orang Majusi". Orang Majusi itu meninggalkan rumah Nabi Ibrahim A.S dengan perasaan dukacita. Sikap Nabi Ibrahim A.S tidak disenangi oleh Allah SWT sehingga turunlah wahyu yang bermaksud, "Apa kerugianmu jika engkau menerima tetamu itu, walaupun dia mengingkari dan selama mengkafiriku. Aku akan menggantikan makanan dan minuman yang engkau berikan kepadanya 70 tahun."

Setelah menerima wahyu tersebut Nabi Ibrahim A.S sungguh menyesal dan keesokan harinya Nabi Ibrahim A.S pergi mencari orang Majusi itu dan mempelawanya datang ke rumahnya sekali lagi. Kata orang Majusi itu, "Pelik sungguh, semalam engkau mengusirku, tetapi hari ini engkau mengajak aku pergi ke rumahmu." Nabi Ibrahim A.S menceritakan mengenai wahyu yang diterimanya. Orang Majusi itu berkata, "Sungguh baik Tuhanmu memperlakukan aku seperti sebegini walaupun aku ini orang kafir." Orang Majusi itu berkata lagi, "Hulurlah tanganmu, aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang melainkan Allah dan engkau adalah pesuruh Allah". Semenjak dari itu orang Majusi itu mengikuti ajaran nabi Ibrahim A.S.

Tauladan yang boleh kita ambil daripada kisah ini ialah sesungguhnya dakwah itu merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang dipikul oleh semua umat Islam yang beriman kepada Allah. Kewajipan ini seharusnya dilaksanakan dengan penuh kesabaran, kesantunan dan penuh hikmah kebijaksanaan. Ini kerana sebagai pendakwah, tugas kita hanyalah untuk menyampaikan sahaja dengan sebaik mungkin melalui apa cara sekalipun. Sebaliknya segala taufik dan hidayah itu merupakan hak mutlak Allah SWT jua yang menentukannya.